



# MAJLIS PERBANDARAN KUALA KANGSAR

## KENYATAAN SEBUT HARGA

- 1) Tawaran sebut harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan **LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)** yang masih sah tempohnya dalam **GREED G2** di bawah **KATEGORI CE14 (LANDSKAP)** dan **CE21 (KERJA-KERJA AM KEJURUTERAAN AWAM)** bagi menyertai sebut harga berikut :

BIL.	NO. SEBUTHARGA	NAMA SEBUTHARGA	GREED / KOD BIDANG	HARGA DOKUMEN (RM)	LAWAT TAPAK
1.1	SH (K) 38 / 2024	MENAIK TARAF KAWASAN LAPANG KEPADA TAMAN REKREASI MADANI DI TAMAN ORKED SUNGAI SIPUT, MP KUALA KANGSAR.	G2 <b>( CE14 &amp; CE21 )</b>	50.00	09.10.2024 (Rabu) 9.00 pagi

- 2) Tawaran sebutharga mulai dari tarikh **3 Oktober 2024 (Khamis)** hingga **16 Oktober 2024 (Rabu)**.
- 3) Lawatan tapak dan pembelian borang boleh didapati mulai tarikh **9 Oktober 2024** Hingga **16 Oktober 2024** Mulai dari **Jam 8.30 Pagi** hingga **4.00 Petang** (kecuali pada **16 Oktober 2024 Jam 10.00 Pagi**) dengan mendaftar dan mendapatkan bil pelbagai di Jabatan Perancang Bandar dan Landskap. Sila bawa bersama sesalinan dan yang asal **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Suruhajaya Syarikat Malaysia (SSM), Sijil Kementerian Kewangan (KKM), Pengalaman Kerja (Surat Setuju Terima)** dan **Penyata Kewangan Terkini** untuk semakan semasa membeli borang.
- 4) Kontraktor diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak pada **9 Oktober 2024 (Rabu) Jam 10.00 Pagi**. Taklimat akan hanya diadakan sekali sahaja. Pendaftaran ini akan dibuka selama 1 jam sahaja iaitu bermula pada **Jam 9.00 Pagi** sebelum taklimat bermula. Kontraktor dikehendaki berkumpul di **Tingkat 3 Dewan Bendahara, MPKK** pada masa dan tarikh yang telah ditetapkan.
- 5) Dokumen sebut harga akan dikeluarkan kepada pemilik syarikat yang sah sahaja dan hanya **PENAMA** di dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) sahaja boleh membeli sebut harga ini dengan bayaran tunai.
- 6) Selain itu, syarikat / kontraktor yang **SEDANG MELAKSANAKAN** kerja-kerja ditapak bagi perolehan di bawah seliaan MPKK juga **TIDAK LAYAK** untuk menyertai perolehan ini.
- 7) Dokumen sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat **saiz A4** dan dilakri serta ditulis **nama dan no. sebut harga** di sudut atas sebelah kanan sampul tersebut. Lanya hendaklah dimasukkan ke dalam **peti sebut harga di ruang hadapan (Lift Utama) Jabatan Perancang Bandar dan Landskap, Aras 1, Wisma MPKK** sebelum jam **12.00 tengahari** pada tarikh **16 Oktober 2024 (Rabu)**.
- 8) Penyebut harga **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai sebut harga ini sekiranya penyebut harga didapati tidak mempunyai semua pendaftaran gred/kod bidang yang telah ditetapkan. Mana-mana penyebut harga yang mengemukakan surat "Kebenaran Khas" menyertai sebut harga di luar bidang pengkhususan atau surat "Kebenaran Khas Menyertai sebut harga bagi gred yang lebih tinggi/rendah" yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah **TIDAK DITERIMA**.
- 9) Majlis Perbandaran Kuala Kangsar tidak terikat untuk mempersetujui sebut harga yang terendah tawaran harganya atau mana-mana sebut harga jua pun. Majlis Perbandaran Kuala Kangsar tidak berkewajipan memberi apa-apa alasan bagi penolakan sebarang sebut harga dan keputusan Majlis Perbandaran Kuala Kangsar mengenainya adalah muktamad.

  
( DR. SAKDUDDIN BIN ZAMLI )  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar

Bertarikh : **02 OCT 2024**